

**Masyarakat Luar Bandar Tidak Dipinggir Dalam Pembangunan Negara - Muhyiddin Bernama**  
**25 April, 2013**

PAGOH, 25 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan kerajaan sentiasa bersikap adil dan saksama dalam setiap dasar yang diperkenalkan dan tidak sesekali meminggirkan masyarakat luar bandar.

Beliau berkata banyak usaha telah dilakukan kerajaan bagi memajukan masyarakat dan kawasan luar bandar seperti membangunkan sekolah, masjid, membina sistem perparitan dan jalan raya.

"Kesemua ini bagi menentukan rakyat di luar bandar diberi perhatian yang saksama. Kerajaan Barisan Nasional (BN) bukan sahaja membangunkan projek besar berbilion Ringgit, tetapi dalam masa yang sama memberikan perhatian kepada tuntutan masyarakat desa demi menentukan taraf kehidupan yang selesa dan lebih baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan balai raya Kampung Paya Panjang, di sini Khamis. Turut hadir isterinya Puan Sri Noorainee Abdul Rahman.

Bangunan balai raya dua tingkat itu dibina dengan kos RM400,000 bagi kemudahan lebih 700 penduduk kampung berkenaan.

Muhyiddin menegaskan masyarakat luar bandar tidak wajar merasa iri hati dengan pembangunan pesat di bandar malah mereka juga tidak perlu ghairah meminta kawasan perkampungan mereka bertukar kepada bandar yang kos hidupnya tinggi.

Mengulas lanjut, beliau berkata penduduk bandar sendiri kini dilihat lebih cenderung untuk mendiami kawasan luar bandar kerana tidak mahu dibebani kos hidup yang tinggi selain masalah kesesakan lalu lintas, seperti yang turut dilakukan penduduk di negara-negara barat yang maju.

"Di desa mereka ada peluang berkebum, alam sekitar yang lebih bersih dan tiada pencemaran. Hidup lebih sejahtera dan lebih baik. Jangka hayat lebih panjang malah kos hidup tinggal di kampung juga lebih murah," katanya.

Terdahulu, ketika berucap merasmikan bangunan baharu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Aik Ming di sini, Timbalan Perdana Menteri sekali lagi mengulangi komitmen kerajaan untuk mengekalkan sekolah aliran lain di negara ini.

Merujuk kepada SJKC, beliau berkata ia masih menjadi pilihan ibu bapa kaum lain menghantar anak-anak mereka ke sekolah jenis kebangsaan itu, sekali gus membuktikan ia kekal relevan sebagai sebahagian sistem pendidikan negara.

"Selain itu, bahasa Mandarin telah menjadi salah satu bahasa pertuturan di peringkat antarabangsa. Melalui SJKC, mudah untuk anak-anak kita belajar bahasa itu selain bahasa kebangsaan yang merupakan bahasa perpaduan," kata Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran.

Katanya penguasaan lebih banyak bahasa sudah menjadi keperluan pada masa ini yang sekiranya diabaikan bakal mendatangkan kerugian pada masa akan datang.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945009>